

### **Abstrak**

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengukur tahap kesedaran dan pengetahuan tentang Koridor Raya Multimedia di kalangan pelajar sekolah menengah yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar di negeri Kelantan. Seramai 300 orang pelajar sekolah menengah dipilih menjadi sampel kajian yang meliputi sepuluh buah sekolah iaitu 5 buah sekolah di kawasan Kota Bharu yang mewakili kawasan bandar dan 5 buah sekolah di Tumpat yang mewakili kawasan luar bandar. Data yang diperolehi daripada soal selidik yang dijalankan telah dianalisis melalui analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan pelajar sekolah menengah di kedua-dua kawasan di negeri Kelantan menyedari tentang MSC. Mereka juga beranggapan projek MSC yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah sesuatu yang amat baik dan dapat memberi manfaat dari segi sosial dan ekonomi kepada masyarakat. Kajian yang dijalankan juga mendapati pelajar sekolah menengah di kedua-dua kawasan adalah celik ICT selaras dengan pelaksanaan MSC yang mementingkan kewujudan masyarakat bermaklumat.